

Peranan Media Internet Arab dalam Meningkatkan Kemahiran Mendengar dan Membaca di Kalangan Pelajar Melayu: Suatu Tinjauan

ABD RAUF DATO' HAJI HASSAN AZHARI

Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

Kata kunci: Media internet, laman web, aspek kebahasaan, kemahiran mendengar dan membaca, multimedia

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk mengkaji secara deskriptif mengenai maklumat-maklumat jaring bahasa Arab. Ia menyingkap beberapa laman web utama Arab seperti <http://eyoon.fares.net>, <http://www.sendbad.net/>, <http://www.alsaha.com/> dan beberapa laman web utama yang lain. Di sini, penulis akan membandingkan antara laman-laman web utama ini dari pelbagai aspek kebahasaan dan pemerolehan maklumat. Di samping itu, penulis juga akan memfokuskan kepada dua kemahiran bahasa yang dapat dicapai melalui media internet, iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran membaca. Kedua-dua kemahiran ini dapat dipertingkatkan melalui penggunaan beberapa laman web yang terpilih seperti <http://www.islampedia.com/>, <http://islamway.com/> dan selainnya. Penulis yakin, kesemua maklumat yang terdapat dalam makalah ini amat penting dalam mengembangkan pemikiran dan pembelajaran serta pengajaran bahasa Arab di negara ini selari dengan perkembangan multimedia di era globalisasi ini.

ABSTRACT

The purpose of this article is the use of websites in Arabic language, mainly "<http://eyoon.fares.net>, <http://www.sendbad.net/>, <http://www.alsaha.com/>". The researcher will compare those websites from the linguistic aspects and the acquisition information. In addition, the researcher will also focus on two languages skills such as listening and reading which can be accessed from the internet media. Browsing the selected websites such as <http://www.islampedia.com/>, <http://islamway.com> can greatly enhance these two skills. The researcher believes that the information gathered from the article will enable readers to develop ideas and knowledge in the study and teaching of the Arabic language in Malaysia, in line with the multimedia development in era globalization.

PENDAHULUAN

Bagi masyarakat Malaysia khasnya orang Melayu, bahasa Arab tidak lagi dianggap sebagai suatu bahasa yang asing dalam kehidupan dan pertuturan harian mereka. Ini kerana bahasa Arab lebih sesuai dikatakan sebagai bahasa kedua atau sekurang-kurangnya diberi kedudukan seperti bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris dan bukannya suatu bahasa yang asing. Asmah Haji Omar (1990: 28) mengatakan bahawa bahasa Arab di Malaysia bukan merupakan bahasa asing, tetapi bahasa sekunder. Beliau mengaitkan pengaruh bahasa Arab dengan pembentukan intelek masyarakat Melayu.

Oleh yang demikian, kemahiran bahasa amat penting dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa sekunder penutur

Melayu. Menurut pengertian am, seseorang yang mempunyai kemahiran berbahasa mestilah mempunyai kecekapan berbahasa jika dia dapat menggunakan bahasa yang berkenaan itu dengan baik menurut nahu yang betul seperti pembentukan ayat, pembentukan kata, pemakaian awalan dan akhiran dan sebagainya (Asmah Haji Omar 1984:57).

Terdapat pelbagai cara bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar. Antara cara lain yang dicadangkan oleh penulis bagi meningkatkan penguasaan kemahiran ini adalah dengan menggunakan media Internet. Ini kerana penulis mendapati dunia Arab cukup maju dalam bidang teknologi maklumat (IT) dengan pelbagai informasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang

amat menarik dan berkesan. Ini ditambah lagi dengan era globalisasi yang amat mencabar yang mengajak manusia bersaing antara satu sama lain.

Dalam makalah ini, penulis akan membahaskan mengenai laman-laman web utama Arab dengan menjelaskan beberapa kelebihan dan kesesuaian laman-laman tersebut dari sudut penguasaan kemahiran bahasa Arab. Di samping itu, penulis juga akan membahagikan kemahiran bahasa yang boleh dikuasai melalui penguasaan media internet ini kepada kemahiran mendengar dan membaca. Melalui kemahiran-kemahiran yang dicadangkan ini, maka ia sedikit sebanyak akan membantu penutur Melayu untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih berkesan dan efektif.

DEFINISI INTERNET

Menurut Ensiklopedia Wikipedia “The Internet is the publicly available worldwide system of interconnected computer networks that transmit data by packet switching over the Internet Protocol (IP). It is made up of thousands of other, smaller business, academic, and government networks that provide various information and services, such as by electronic mail, online chat, and on the graphical, interlinked World Wide Web” (<http://en.wikipedia.org/wiki/>).

Menurut Encarta® World English Dictionary, North American Edition, internet adalah “a network that links computer networks all over the world by satellite and telephone, connecting users with service networks such as e-mail and the World Wide Web” (<http://encarta.msn.com/encnet/features/dictionary>).

Penulis Brooke Broadbent dalam bukunya yang berjudul *Using the Internet Smarter and Faster* mendefinisikan internet sebagai “the internet is a massive worldwide network of interconnected computers, loosely governed internationally. The word ‘Internet’ means a ‘network of networks’ or thousand of smaller networks scattered throughout the globe. ‘Internet’ is also used to mean the service offered. These include the classic services of e-mail, newsgroups, and chat, as well as the more recent browsing service provided by the World Wide Web. Net is normally a short form for Internet. It also refers to both the Internet and intranets”.

Daripada ketiga-tiga definisi yang diberikan, penulis mendapat internet sebagai penghubung kepada manusia sangat bahkan juga mencakupi

pelbagai informasi yang dapat memberi manfaat kepada seluruh manusia. Selain itu, internet juga merupakan kumpulan atau jaringan dari jaringan komputer yang ada di seluruh dunia. Dalam hal ini, komputer yang dahulunya *standalone* dapat berhubungan secara langsung dengan host-host atau komputer-komputer yang lain, malah internet juga sebagai suatu rangkaian antarabangsa yang merangkaikan beribu-ribu sistem komputer sama ada di rumah, pejabat, organisasi atau institusi dengan menggunakan bahasa yang sama. Setiap rangkaian yang disambung ke internet itu boleh dipecahkan kepada rangkaian yang lebih kecil.

LAMAN-LAMAN WEB UTAMA ARAB

Sepanjang penelitian penulis sebagai pengguna Internet, penulis mendapati laman-laman web Arab yang terdapat di internet amat berkesan digunakan untuk membantu penguasaan penutur Melayu berbahasa Arab. Ini kerana laman-laman web ini menyajikan pelbagai maklumat dan informasi terdahulu, terkini dan akan datang mengenai dunia Arab dan antarabangsa serta pelbagai bidang pengajian Arab dan agama Islam. Ini termasuklah bidang pengajian bahasa Arab, sains, ekonomi, politik, komputer, multimedia dan sebagainya.

Antara laman-laman web utama Arab yang memberikan informasi terkini adalah seperti <http://www.raddadi.com/>, <http://eyoon.fares.net/>, <http://www.sendbad.net/>, <http://www.alsaha.com/> dan selainnya. Laman-laman web ini menyamai enjin pencarian (search engine) utama yang lain seperti Yahoo, MSN, Search, Altavista, Snap dan sebagainya.

Jika dilihat dalam laman web <http://www.raddadi.com/> sebagai contoh, penulis mendapati terdapat pelbagai bidang kehidupan yang disediakan bagi tatapan pengguna. Antara bidang-bidang pencarian yang diberikan adalah seperti berikut:

- Laman web kesihatan
- Laman web Islam
- Laman web media massa
- Laman web kerajaan
- Laman web pekerjaan
- Laman web sukan
- Laman web komputer dan sebagainya.

Selain itu, laman web ini juga membolehkan pengguna menghantar emel, berchit chat, berforum dan membuat sebarang komenar.

Manakala laman web <http://www.alsaha.com/> pula lebih menarik. Ini kerana ia bukan sahaja mengandungi laman web kesihatan, Islam, media massa atau sebagainya, bahkan ia juga menyajikan pelbagai bidang lain seperti pendidikan,

pelancongan, siaran radio dan tv. Di samping itu, laman ini juga mengandungi laman-laman web yang terdapat di setiap negara Arab seperti Mesir, Libya, Saudi Arabia, Tunisia, Kuwait dan lainnya.

PENGUASAAN KEMAHIRAN BAHASA ARAB MELALUI INTERNET

Dalam makalah ini, penulis akan membentangkan penguasaan kemahiran bahasa Arab yang mudah diperoleh dan praktikal melalui media internet kepada dua penguasaan yang berikut:

- i. Penguasaan Kemahiran Mendengar
- ii. Penguasaan Kemahiran Membaca

Penguasaan Kemahiran Mendengar Melalui Internet


Mendengar merupakan satu daripada unsur komunikasi yang tertua, terpenting, dan paling kerap digunakan. Mendengar dan bercakap perlu lebih dahulu diutamakan berbanding membaca dan menulis. Prinsip ini menjadi asas yang penting dalam pengajaran bahasa yang mengutamakan pendekatan kemahiran mendengar (Asmah Hj. Omar 1984:74).

Namun, sebagai satu kemahiran dalam pembelajaran bahasa, mendengar merupakan bahagian yang paling kerap diabaikan. Mendengar merupakan kemahiran asas berbahasa yang paling awal muncul berbanding kemahiran bahasa yang lain. Dari segi urutannya dapat dikatakan bahawa kanak-kanak akan mendengar lebih dahulu daripada bertutur, bertutur lebih dahulu daripada membaca, dan membaca lebih dahulu daripada menulis.

Kemahiran asas berbahasa seperti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis dapat dibahagikan kepada dua jenis kemahiran komunikasi. Kemahiran mendengar dan membaca dianggap sebagai kemahiran menerima komunikasi, dan kemahiran bertutur dan menulis pula dianggap sebagai kemahiran menyampaikan komunikasi. Kemahiran mendengar dan bertutur menggunakan media lisan, sementara kemahiran menulis dan membaca menggunakan media tulisan. Salah satu unsur yang perlu ditekankan setelah mendengar sesuatu bunyi atau sebagainya adalah unsur pemahaman. Ortegay (1959:1) mengatakan bahawa hanya dengan usaha yang gigih, kita mampu memahami beberapa bahagian penting daripada apa yang cuba disampaikan atau difahamkan oleh sesebuah teks.

Selain itu, proses pemahaman juga merupakan proses mental untuk memahami sesuatu wacana lisan. Pendengar perlu mempersepsi dan memproses bunyi-bunyi yang dipertuturkan oleh penutur dan menggunakan hasil pemprosesan itu untuk mentafsir apa yang cuba disampaikan oleh penutur. Dengan kata lain, pendengar perlu

membina representasi fonologi daripada bunyi-bunyi yang didengar dan kemudiannya melakukan beberapa tindakan untuk menukar representasi fonologi ini kepada representasi semantik (Zulkifley Hamid 1994:45). Proses yang berlaku dapat digambarkan dalam *Rajah 1* berikut:



Rajah 1: Representasi fonologi kepada representasi semantik

Melalui penguasaan internet hari ini, penulis merasakan kemahiran mendengar dan pemahaman sesuatu wacana atau teks dapat diterapkan dalam penguasaan bahasa Arab. Ini kerana melalui laman-laman web yang tertentu, kita dapat mendengar perbualan, pembacaan berita dan muzik Arab yang akan menguatkan penguasaan pelajar terhadap kemahiran bahasa Arab.

Terdapat banyak laman-laman web Arab yang menyajikan siaran radio dan TV Arab sama ada secara langsung (بث مباشر) mahupun secara rakaman (بث مسجل). Antaranya seperti berikut:

- i. Laman Web Radio Arab
<http://www.un.org/arabic/av/radio/news/dailynews.htm>

Laman web ini merupakan berita United Nation dalam bahasa Arab. Ia menyajikan pelbagai berita setiap hari. Sesuatu yang amat menarik di sini pengguna boleh mendengar berita-berita yang disiarkan pada bulan-bulan yang lalu dari Januari 2002 hingga ke hari ini. Selain itu, antara kelebihan laman ini adalah setiap berita yang dibaca oleh pembaca berita dituliskan teksnya. Ini akan memudahkan lagi proses penguasaan kemahiran berbahasa Arab, kerana di samping pengguna mendengar siaran berita, pengguna juga boleh membaca teksnya dalam satu masa.

- ii. Laman Web Televisyen Arab
<http://www.samd.8m.com/tv.htm>

Melalui laman web ini, pengguna dapat memilih lebih daripada 10 siaran TV untuk ditonton. Antaranya:

- TV Arab Amerika
- TV Mesir
- TV Bahrain
- TV Lubnan
- TV Qatar
- TV Kuwait
- TV Dubai
- TV Jordan
- dan lain-lain lagi


iii. Laman Web Video Arab

<http://www.islampedia.com/>

Melalui laman ini, pendengar dapat mendengar dan melihat pelbagai tajuk yang berkaitan dengan sains seperti astronomi, biologi dan lainnya. Terdapat pelbagai tajuk yang amat menarik yang dapat didengar bagi penguasaan kemahiran mendengar. Antara tajuk-tajuk yang diberikan adalah seperti berikut:



<http://www.un.org/arabic/av/radio/news/dailynews.htm>



<http://www.samd.8m.com/tv.htm>

- Penciptaan Alam
- Keluasan Alam
- Pergerakan matahari
- Pergerakan bulan
- Pusingan bumi
- Kejadian angin
- Kejadian laut
- Kejadian manusia
- Kesakitan yang dialami oleh manusia
- Bahaya pemakanan yang tidak sihat
- Bahaya pemakanan daging khinzir
- Dan lainnya

iv. Laman Web Lagu-Lagu Arab

Antara laman web lagu yang paling popular dalam bahasa Arab adalah <http://www.mazika.com/> yang terdapat dua pilihan bahasa, iaitu bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Melalui laman web ini, kita dapat mendengar dan menyimpannya ke dalam cakera keras lagu-lagu dan penyanyi-penyanyi dari pelbagai negara Timur Tengah. Suatu yang menarik di sini adalah pengguna hanya perlu memilih abjad A-Z bagi mencari nama seseorang penyanyi. Bagi abjad (A) sahaja terdapat 72 orang penyanyi yang diberikan seperti dalam laman web yang kedua di bawah:

The screenshot shows the Mazika website homepage. At the top, it displays the address <http://www.mazika.com/>. Below the header, there's a banner with the text "31A El-Esraa El-Mosailmeen St. Mohandseen, Giza , Egypt Tel : 202 3047990". The main menu includes "Browse", "Top Hits", "Username", "Password", "Sign In", and "Sign Up". On the left, there's a sidebar with links like Home, Ringtones & Logos, Chat, News, Fun Stuff, DJ Mixes, Providers, Stores, Update, Negoum, and Search. The main content area shows "Now Online" and "News Flash" sections. The "Top 10 Songs" section lists songs by Karab Ly, Enty Meshire, Afly Moshuk, Kol Youm El Omry, and Ahla Donia. Below this, there's a "DOWNLOAD" section with four thumbnail images. The footer contains links for "start", "Exit Microsoft Internet Explorer", and "Mazika - Microsoft Internet Explorer".

The screenshot shows a search result page for "Singers" on the Mazika website. The address bar shows <http://www.mazika.com/searchresult.aspx?SearchCriteria=Abd+Allah+El+Kamthi>. The page title is "Found 72 Results Matching Your Criteria". It features a table with columns: Singer Name, Title, Country, and Song Count. The table lists 72 entries, starting with Abd Al Jowar from Saudi Arabia with 16 songs. To the right of the table, there's an advertisement for "ELSAB" with the text "Answer The Competition Questions & Win". The footer is identical to the previous screenshot.

Singer Name	Title	Country	Song Count
Abda Al jowar		Saudi Arabia	16
Abbas Ibrahim		Saudi Arabia	12
Abd Al Aziz Al Mansour		Khalenji	10
Abdi Al Faran Abd Al Kader		Kuwait	20
Abd Allah Al Rowashid		Kuwait	85
Abd Allah El Kamthi		Khalenji	12
Abd Allah Resrid		Saudi Arabia	8
Abd Al Ghaffar		Kuwait	8
Abd El Gassef		Egypt	6
Abd El Ghann El Sayed		Egypt	1
Abd El Had		Saudi Arabia	10
Abd El Halem		Egypt	0
Abd El Magied Abd Allah		Saudi Arabia	55
Abd El Mounem Madib		Egypt	13
Abd El Rab Idrees		Saudi Arabia	0

<http://www.mazika.com/>

v. Laman Web Audio Al-Quran dan Nasyid Arab
Kebanyakan penutur Melayu apabila ia bertutur dalam bahasa Arab, intonasi yang diujarkan itu tidaklah seperti orang Arab. Antara penguasaan yang perlu ditekankan oleh penutur Melayu untuk fasih berbahasa Arab adalah mendengar pembacaan Al-Quran daripada pelbagai *qari'*. Antara laman web yang menyajikan pembacaan al-Quran ini adalah seperti <http://islamway.com/>.

Laman web ini merupakan antara yang terbesar yang menyumbangkan audio pembacaan al-Quran. Terdapat lebih daripada 150 orang *qari'* yang dapat didengar pembacaan mereka secara percuma. Selain dari bahasa Arab, laman web ini juga menyajikan pengguna kepada empat bahasa yang lain, iaitu Inggeris, Perancis, Belanda dan juga Urdu. Pengguna dapat mengklik ikon al-Quran dan antara *qari'* yang terdapat dalam laman web ini.

Di sini juga pembaca dapat mendengar nasyid berbahasa Arab yang diberikan secara percuma. Terdapat lebih daripada 50 kumpulan nasyid yang diberikan, antaranya adalah seperti yang tertera di kolumn sebelah.

Penguasaan Kemahiran Membaca Melalui Internet


Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran yang penting di peringkat pembelajaran bahasa sama ada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Ia menjadi

- رياح النصر
- صدى الإيمان
- الإعصار
- الشموخ
- عبرات بوسنوية
- أين الملوك ؟
- ورموك يا رامي
- البشاره
- الصارخ
- جيل العزة
- ديننا
- أمي الحبيبه
- الدمام 2
- أحان نازفة
- كل الوفاء إلى أمي
- هداة البشر
- قادمون
- البراق
- جراح سراليفو

semakin penting apabila seseorang pelajar itu melanjutkan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi seperti kolej, institusi atau universiti.

Membaca membawa pelbagai pengertian kepada aktiviti berfikir. Proses membaca tidak akan tercapai dengan sepenuhnya sekiranya pembacaan berikut tidak disertai dengan konsep pemahaman. Mengikut Robert Lado (1980:3), beliau menjelaskan membaca itu bermaksud menyingkap pola-pola bahasa daripada bentuk tulisannya.

Smith pula berpendangan bahawa membaca adalah proses psikolinguistik yang berlaku apabila seseorang membentuk semula di dalam




<http://islamway.com/>

pemikirannya (dengan sebaik mungkin) erti atau maksud yang telah diterbitkan oleh seseorang penulis dalam bentuk tulisan yang kemudiannya dibaca oleh si pembaca tadi (Mangantar Simanjuntak 1995: 24).

Manakala Atan Long (1978: 34) pula menguraikan proses membaca sebagai proses yang melibatkan kebolehan mengenal lambang-lambang dan menterjemah lambang-lambang itu semua kepada bunyi suara (bahasa) serta memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu.

Oleh yang demikian, membaca melibatkan proses deria dan minda. Kedua-dua proses ini adalah saling berhubungan di antara satu sama lain. Proses bacaan yang melibatkan organ deria seperti mata dan telinga adalah kurang berkesan berbanding proses minda. Pembacaan melalui minda amat berkesan kerana ia melibatkan otak yang bertindak memproses sesuatu bahan bacaan yang dibaca dan proses ini dilakukan berterusan. Sebenarnya, aktiviti membaca adalah proses yang kompleks yang melibatkan komunikasi di antara pembaca dengan penulis melalui sumber tulisannya. Ia juga melibatkan tahap pemikiran kognitif yang tinggi.

Melalui penguasaan internet, penutur Melayu yang mempelajari bahasa Arab dapat menguasai kemahiran membaca teks Arab melalui laman-laman web yang berikut:



<http://www.alwaraq.com/>

i. Buku-Buku Arab

<http://www.alwaraq.com/>

Melalui laman web ini, pengguna dapat merujuk pelbagai buku-buku Arab dalam pelbagai bidang. Ia dibahagikan kepada dua, iaitu pertama buku-buku *al-Turath* dan kedua buku-buku *al-muhaqqaq*.

Bagi buku-buku *al-turath* terdapat lebih daripada 30 bidang pengajian yang diberikan, manakala buku-buku *al-muhaqqaq* pula terdapat lima bidang sahaja yang melibatkan 70 buah buku sahaja. Suatu yang perlu diketahui di sini, pengguna perlu mendaftar sebagai ahli sebelum membaca buku-buku yang disediakan.

ii. Akhbar-Akhbar Arab

<http://www.onlinenewspapers.com/>

Melalui laman web ini, pengguna dapat merujuk pelbagai akhbar dari seluruh dunia. Pencarinya dibahagikan kepada dua, iaitu pencarian mengikut benua seperti Amerika, Eropah; Asia, Asia Barat dan sebagainya. Manakala pencarian yang kedua pula mengikut abjad dari A-Z.

Bagi akhbar Negara Timur Tengah pula, terdapat 15 buah negara seperti Lubnan, Syria, Qatar, Bahrain dan selainnya. Sebagai contoh, antara akhbar yang diterbitkan di Lubnan adalah seperti berikut:

- Addiyar Online (Beirut)
- Al-Aman (Beirut)
- Al-'Anwar
- Al-Balad


- Al-Hawadeth
- Al-Hayat
- Al-Intiqad
- Al-Liwa
- Al-Ousbou' Al-'Arabi
- Al-Syarq
- Al-Siiraa
- Al-Watan Al-'Arabi

- Al-Intiqad
- Al-Mustaqbal
- Al-Nabaa


iii. Majalah-Majalah Arab

<http://eyoon.fares.net/425/>

Melalui laman web ini, pengguna dapat membaca majalah-majalah dari timur tengah. Ia dibahagikan kepada 4 majalah yang berikut:



<http://www.onlinenewspapers.com/>



<http://eyoon.com/>

a. Majalah mingguan berbahasa Arab

موقع صحافة و إعلام: إسبوعية عربية	
:: <u>مجلة الشهيد</u>	:: <u>مجلة فراس نون للأطفال</u>
:: <u>مجلة فوacial الجزائرية</u>	:: <u>الأزمنة العربية</u>
:: <u>المغرب العربي</u>	:: <u>الأهالي</u>
:: <u>الاهالي جريدة تحترم الناس</u>	:: <u>الشوري نت</u>
:: <u>اصوات الشمال</u>	:: <u>جريدة أخبار الجمهورية والعالم</u>
:: <u>جريدة الشاهد المستقل</u>	:: <u>جريدة الوحدة - تونس</u>
:: <u>جريدة نون</u>	:: <u>شبكة نوادر التراث الشعبي</u>
:: <u>صحيفة أخبار النقب</u>	:: <u>صحيفة الأسبوعية المبوبة</u>
:: <u>صحيفة البلاع</u>	:: <u>صحيفة الثقافية اليمن</u>
:: <u>صحيفة السبيل الأسبوعية</u>	:: <u>صحيفة العهد الأسبوعية البحرينية</u>
:: <u>فاسيون</u>	:: <u>مجلة 26 سبتمبر</u>

b. Majalah mingguan berbahasa selain Arab.

موقع صحافة و إعلام: إسبوعية لغات أخرى	
:: <u>جريدة السفير العربي</u>	:: <u>صحيفة الهدى</u>
:: <u>ميدل ايست تايمز</u>	:: <u>Al Ahram Weekly</u>
:: <u>Arab Voice</u>	:: <u>Beirut Times</u>

c. Majalah bulanan berbahasa Arab

موقع صحافة و إعلام: شهرية عربية	
:: <u>مانشيت - Manshet- Egypty.com</u>	:: <u>مجلة مخابي الالكترونيه</u>
:: <u>أيجيتي</u>	
:: <u>مجلة الحضارة</u>	:: <u>مجلة السياحة الاسلامية</u>
:: <u>مجلة النعمة</u>	:: <u>مجلة الغرباء الالكترونية</u>
:: <u>مجلة النعمة</u>	:: <u>مجلة هو وهي للشباب</u>
:: <u>مجلة ود</u>	:: <u>موقع مجلة العرب</u>
:: <u>موقع جريدة التجديد المغربية</u>	:: <u>الحياة</u>
:: <u>الوحدة</u>	:: <u>نشرة النخبة الإدارية</u>

مجلة حماة الوطن العسكرية	::	مجلة أنهار
مجلة قيس	::	مجلة حطة
نار ونور	::	المشرق الاعلامي

d. Majalah bulanan selain berbahasa Arab.

صحافة و اعلام: شهرية بلغات أخرى

موقع مجلة أو غاريت للحوار بين الثقافات	::	مرايا مجلة اجتماعية ثقافية
مجلة الأعمال	::	الاسلام اليوم - البشير للأخبار
مصر اليوم	::	مجلة بي سي
هاي تيك	::	السفير العربي

PENUTUP

Daripada penulisan tadi, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab dapat dipertingkatkan melalui penguasaan penggunaan laman-laman web Arab yang terdapat dalam internet. Penulis juga menyarankan agar penutur-penutur Melayu yang mempelajari bahasa Arab secara formal atau secara tidak formal dapat menjadikan internet sebagai alat bantuan pemerolehan kemahiran dan penguasaan bahasa Arab yang berkesan. Malah, pengajar-pengajar bahasa Arab sama ada di sekolah mahupun di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dapat menggalakkan pelajar-pelajarnya melayari laman-laman web Arab sebagai suatu pendedahan yang amat berfaedah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

RUJUKAN

- ASMAH Hj. OMAR. 1984. *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ASMAH Hj. OMAR. 1990. *Aspek Bahasa Dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ATABIK 'ALIY. 1996. *Kamus Kontemporeri*. Jakarta, Indonesia: Muassasah Ali Ma'sum.
- ATAN LONG. 1978. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- BROOKE BROADBENT. 2000. *Using The Internet Smarter and Faster*. London: Kogan Page Limited.
- BUDI RAHARDJO. 2001. *Internet untuk Pendidikan*. Jakarta: PT Work IT Out Solusi Tenaga Indonesia.
- ELIAS A. ELIAS dan ED. E. ELIAS. 1979. *Qamus Elias Al'Asriy*. Beirut: Dar al-Jail.
- <http://en.wikipedia.org/wiki/>
- <http://encarta.msn.com/encnet/features/dictionary/>
- <http://islamway.com/>
- <http://www.raddadi.com/>
- <http://eyoon.fares.net/>
- <http://www.sendbad.net/>
- <http://www.alsaha.com/>
- <http://www.un.org/arabic/au/radio/news/dailynews.htm>
- <http://www.mazika.com/>
- <http://www.alwaraq.com/>
- IBRAHIM MUSTAFA. 1972. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Istanbul, Turki: Al-Maktabah Islamiyyah.
- IBN. MANZUR. 1300 H. *Lisan Al-'Arab*, 1300 H. Kaherah: Matba'ah Bulaq.
- JUBRAN MAS'UD. 1986. *Al-Ra'id*. Beirut: Dar Al-'Ilmiy Li Al-Malayin.

LADO, ROBERT. 1980. *Language Teaching: A Scientific Approach*. U.S.A: Mc Graw-Hill.

MANGANTAR SIMANJUNTAK. 1985. Pendekatan psikolinguistik kognitif dalam pengajaran membaca permulaan. Kertas kerja di Persidangan UKM.

ORTEGAY, G.J. 1959. Diogenes. London: Longman.

ZULKIFLEY HAMID. 1994. *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(Received: 4 November 2004)

